



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	31/1/2011

Rakyat persoal divisyen haram FLOM di JPM

KUALA LUMPUR: Siasatan menyeluruh perlu segera dibuat terhadap kewujudan Bahagian Wanita Pertama Malaysia atau *First Lady of Malaysia* (FLOM) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), tegas Ketua Wanita KeADILan, Zuraida Kamarudin.

Katanya, apabila merujuk kepada direktori, laman web Pejabat Perdana Menteri (www.pmo.gov.my/directory) rakyat dapat melihat bahawa wujud divisyen ini, dan ia menimbulkan 1001 pertanyaan dan keraguan kerana daripada mana sumber kewangan FLOM ini diperolehi?

"Dan berapakah peruntukan dan perbelanjaan FLOM Division ini? Divisyen yang diluluskan tanpa pengetahuan ini layak dilabel 'divisyen haram'," ujar beliau dalam blognya.

Tegasnya, Wanita KeADILan memandang serius isu ini dan menganggap kewujudan divisyen haram ini sebagai suatu lagi penderhakaan terbesar Rosmah Mansor selaku isteri Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak, selepas sewenangnyanya menggunakan gelaran Wanita Pertama yang nyata menghina maruah Raja Permaisuri Agong, Sultanah Nur Zahirah.

Malah, Zuraida berkata, Perdana Menteri, juga sebagai seorang suami seharusnya berperanan untuk menasihati dan mengawal kerakusan isterinya daripada terus membazirkan wang rakyat dan memalukan imej negara.

"Tindakan PM yang seolah merestui dan membela setiap tindakan salah isterinya menunjukkan kelemahan dan seterusnya membuka kritikan dan dakwaan bahawa negara ini sedang diperintah seorang Queen



Zuraida Kamarudin

Control.

"Dakwaan seperti ini amat memalukan dan menunjukkan seolah Perdana Menteri sendiri seorang yang dayus dan gagal mendidik isterinya sendiri," ujarnya.

Maka, atas dasar keber-tanggungjawab dan pembe-laan demi njembela kehormatan institusi diraja umumnya dan Raja Permaisuri Agung Sultanah Nur Zahirah khususnya, Wanita KeADILan akan melancarkan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Zainal Abidin agar Baginda Yang di-Pertuan bersedia menggunakan kuasa yang ada padanya berasaskan pada Perlembagaan agar mende-sak supaya FLOM divisyen haram ini dibubarkan serta merta demi menjaga maruah Raja Permaisuri Agong daripada terus dimalukan, tegas Zuraida lagi.

"Isu penderhakaan ini seharusnya dipandang berat sebagai suatu lagi jenayah derhaka yang berlaku di bawah kerajaan Umno-BN, selepas tragedi pemansuhan kuasa Raja-raja Melayu pada 1993 sewaktu pemerintahan mantan Perdana Menteri Tun Mahathir dahulu," katanya yang juga Ahli Parli-men Ampang.